

Masalah ketirisan baja subsidi berlaku di peringkat bawah

GURUN - Isu ketirisan dan pe-nyelewengan dalam agihan baja sub-sidi kepada petani bukan berpunca di peringkat Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), sebaliknya ia se-ring dikesan di peringkat lebih bawah.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguma, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, dari segi jalur pengagihan baja, ia jelas menunjukkan bahawa tanggungjawab Nafas selesai selepas proses penge-daran dibuat kepada Pertubuhan Pela-dang Kawasan (PPK).

"Daripada PPK, agihan (baja) di-lakukan kepada petani. Di sana pe-nguat kuasa kita kesan ada kes keti-risan baja tapi tidak mencermaskan, namun ia wujud.

"Penguat kuasa (kementerian) te-mui beberapa kes jualan baja subsidi

kepada pihak tertentu yang kemu-diannya dibuat pembungkusan se-mula baja," katanya kepada pembe-rita selepas mengadakan lawatan kerja ke Malaysia NPK Fertilizer Sdn. Bhd. (MNFSB) di sini semalam.

Katanya, Nafas juga merupakan pertubuhan di peringkat kebangsaan yang mempunyai struktur di pering-kat negeri dan kawasan, justeru ia mempunyai kekuatan jaringan untuk memastikan keberkesanan pengagi-han baja di peringkatnya.

"Jadi, adalah munasabah tiada penglibatan Nafas dalam isu ketirisan pengagihan baja," katanya.

Turut hadir, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Phahrolrazi Mohd. Zawawi; Pengerusi Ahli Lem-baga Pengarah MNFSB, Wan Khari-zal Wan Khazim dan Pengurus Besar

Nafas, Ahmad Shaari.

Dalam pada itu katanya, sebagai ke-menterian yang bertanggungjawab dalam mengawal selia aktiviti mengi-ling dan memborong baja di bawah Akta Bekalan 1961, pihaknya mengin-gatkan petani yang layak menerima baja subsidi, agar menggunakan terimudahan disediakan kerajaan itu sebaliknya.

"Dari segi penguatkuasaan, walau-pun isu ketirisan baja tidak berada pada tahap yang terlahu mengancam, namun kita cuba bendung di peringkat awal kerana program ini bagi manfaat besar kepada golongan petani.

"Petani yang layak terima subsidi baja ini seharusnya memanfaatkan untuk tanaman padi supaya hasil mereka lebih baik dan meningkat sehingga enam tujuh tan (bagi sehek-tar)," katanya. - Bernama



SAIFUDDIN (dua dari kanan) melihat aktiviti pengilangan baja di kilang MNFSB ketika mengadakan Lawatan Kerja ke kilang itu di Gurun semalam.